



**Kedah**  
Malaysia  
where it all began

كِرَاءَانِ نِغْرِي كِدَاهِ دَارُ الْاَمَانِ

**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010

Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910  
04-774 4643/ 04-733 8717

E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Rujukan kami : PPN.BN 100-1/9/4(3)

Tarikh : 16 Jamadilakhir 1440

21 Februari 2019

**SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Y.B Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BIL 4 / 2019  
ELAUN PENANGGUNGAN KERJA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan surat Arahan Operasi Bil 13/2018, Semua bayaran Elaun Tanggung Kerja (ETK) hendaklah dikunci masuk di Modul Gaji setelah mendapat kelulusan dari Bahagian Sumber Manusia (BSM) Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.
3. Walau bagaimanapun masih terdapat bayaran Elaun Tanggung Kerja (ETK) yang tidak boleh dibuat dalam Modul Gaji disebabkan nama pegawai / kakitangan itu tiada dalam Sistem Payroll, Oleh yang demikian Jabatan / PTJ adalah dibenarkan membuat bayaran di modul Akaun Belum Bayar (AP) iaitu Daftar Bil di jabatan berkenaan.
4. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai / kakitangan berkenaan untuk mengistiharkan pendapatan di Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Ketua Jabatan juga perlu memastikan pendapatan tersebut diistiharkan.
5. Pihak Y.B Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan adalah di pohon untuk mematuhi arahan operasi ini agar dapat melicinkan proses bayaran elaun tanggung kerja (ETK) tersebut.
6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh merujuk dengan Unit Bayaran di Talian 04-7744605/04-77444609. Kerjasama dan perhatian Y.B Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih.



Rujukan kami : PPN.BN 100-1/9/4(3)  
Tarikh : 16 Jamadilakhir 1440  
21 Februari 2019

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**‘KEDAH AMAN MAKMUR, BERSAMA HARAPAN MAKMURKAN KEDAH’**

Saya yang menjalankan amanah,



**( NAZHATUN BT MD. REJAB, AMK., (C.A.M) )**  
**Bendahari Negeri**  
**b.p Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman**  
**Kedah Darul Aman**  
s.k.

Y.B Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

MZH/AMS